



## SOALAN LAZIM (FAQ) SUMBANGAN ASAS RAHMAH (SARA) 2026

### A. PENGENALAN

1. **S: Apakah Sumbangan Asas Rahmah (SARA)?**

J: Sumbangan Asas Rahmah (SARA) merupakan program bantuan bersasar kepada rakyat yang paling terkesan dengan gelumbang kos sara hidup. Program sumbangan ini adalah untuk mengangkat taraf ekonomi golongan rentan dan menjunjung prinsip kesaksamaan yang menjadi teras kepada kerangka Ekonomi MADANI.

2. **S: Siapakah yang layak menerima SARA 2026?**

J: Kelayakan SARA 2026 adalah terhad kepada:

**SARA Miskin Tegar dan Miskin eKasih**

- i. Warganegara Malaysia; dan
- ii. Lulus Sumbangan Tunai Rahmah (STR) 2026 kategori Isi Rumah, Bujang dan Warga Emas Tiada Pasangan; dan
- iii. Tersenarai sebagai penerima Miskin Tegar / Miskin eKasih dalam rekod data eKasih di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) sehingga 31 Oktober 2025 atau pada tarikh data semakan berkala.

**SARA STR 2026**

- i. Warganegara Malaysia; dan
- ii. Lulus Sumbangan Tunai Rahmah (STR) 2026 kategori Isi Rumah, Bujang dan Warga Emas Tiada Pasangan.

Semakan rekod eKasih akan dibuat secara berkala terhadap penerima sedia ada STR yang tiada dalam rekod Miskin Tegar / Miskin eKasih dengan ketetapan seperti berikut:

- i. **Data eKasih 31 Januari 2026** (layak SARA 2026 mulai Januari 2026) - keputusan kelayakan dan pembayaran adalah pada April 2026
- ii. **Data eKasih 30 April 2026** (layak SARA 2026 mulai April 2026) - keputusan kelayakan dan pembayaran adalah pada Julai 2026
- iii. **Data eKasih 31 Julai 2026** (layak SARA 2026 mulai Julai 2026) - keputusan kelayakan dan pembayaran adalah pada Ogos 2026
- iv. **Data eKasih 31 Oktober 2026** (layak SARA 2026 mulai Oktober 2026) - keputusan kelayakan dan pembayaran adalah pada November 2026

3. **S: Adakah saya perlu memohon SARA 2026?**

J: Tidak. Kelayakan SARA 2026 adalah secara automatik berdasarkan data Miskin Tegar dan Miskin eKasih sehingga 31 Oktober 2025 atau pada tarikh data semakan berkala. SARA 2026 turut diperluas kepada semua penerima STR 2026 kategori Isi Rumah, Bujang dan Warga Emas Tiada Pasangan.

4. **S: Bagaimanakah program SARA 2026 dilaksanakan?**

J: Penerima lulus STR 2026 yang disahkan daripada data **Miskin Tegar dan Miskin eKasih** layak SARA 2026 berjumlah RM100-RM200 setiap bulan bagi tempoh 12 bulan (Januari 2026 - Disember 2026).

Manakala kadar untuk semua penerima lulus STR 2026 **selain Miskin Tegar dan Miskin eKasih** layak SARA 2026 berjumlah RM50-RM100 setiap bulan bagi tempoh 12 bulan (Januari 2026 - Disember 2026).

Penerima SARA 2026 akan menerima bantuan barangan keperluan asas tanpa tunai (*cashless*) secara automatik melalui akaun yang dibuka menggunakan **MyKad penerima**. Barangan runcit asas daripada kategori produk yang diluluskan boleh dibeli di pasar raya / kedai runcit terpilih seluruh negara menggunakan MyKad.

5. **S: Berapakah amaun kelayakan SARA 2026 yang akan diterima penerima yang layak?**

J: Kelayakan amaun SARA 2026 adalah seperti berikut:

Sumbangan Asas Rahmah (SARA)		
Kategori Penerima STR 2026	Penerima STR 2026 berstatus Miskin dan Miskin Tegar eKasih	Penerima STR 2026 selain Miskin dan Miskin Tegar eKasih
Isi Rumah (Tiada had umur)	<b>RM2,400</b> RM200/bulan (Januari-Disember)	<b>RM1,200</b> RM100/bulan (Januari-Disember)
Warga Emas Tiada Pasangan	<b>RM1,800</b> RM150/bulan (Januari-Disember)	<b>RM600</b> RM50/bulan (Januari-Disember)
Bujang (21-59 tahun)	<b>RM1,200</b> RM100/bulan (Januari-Disember)	<b>RM600</b> RM50/bulan (Januari-Disember)

Nota : Amaun kelayakan SARA 2026 adalah tertakluk kepada masa permohonan STR 2026 diluluskan.

6. **S: Bagaimanakah cara untuk saya semak kelayakan SARA 2026?**

J: Semakan kelayakan SARA 2026 boleh dibuat melalui kaedah berikut:

Kaedah Pemakluman	Keterangan
i. Surat pemakluman	<ul style="list-style-type: none"><li>Surat lulus STR 2026 bersekali kelayakan SARA kepada alamat berdaftar dalam permohonan STR</li></ul>
ii. Sistem Pesanan Ringkas ( <i>SMS blast</i> )	<ul style="list-style-type: none"><li>Penerima SARA yang layak akan menerima Sistem Pesanan Ringkas / aplikasi WhatsApp daripada Yayasan MyKasih (agensi pelaksana SARA) untuk mengesahkan status mereka sebagai penerima di bawah program ini, berserta tarikh dan masa untuk sesi taklimat orientasi di kedai runcit yang terdekat.</li><li>Akaun akan dibuka berdasarkan MyKad penerima dalam sistem MyKasih di mana elaun perbelanjaan akan direkodkan.</li></ul>

iii. Semakan terus melalui portal rasmi	<b><u>Semakan kelayakan SARA</u></b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Portal rasmi STR <a href="https://bantuanunai.hasil.gov.my/">https://bantuanunai.hasil.gov.my/</a></li><li>• Portal rasmi SARA <a href="https://sara.gov.my/">https://sara.gov.my/</a></li></ul>
iv. Hubungi	<b><u>Semakan kelayakan SARA</u></b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Hubungi BKK HASiL: 1-800-88-2747 (waktu operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang); atau</li><li>• Hubungi MOF: 03-8882 4565 / 4566 (waktu operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang)</li></ul> <b><u>Semakan pelaksanaan SARA</u></b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Hubungi Yayasan MyKasih: 03-7720 1800 (waktu operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang)</li></ul>

**7. S: Sekiranya saya tidak tersenarai sebagai penerima SARA 2026, adakah saya masih berpeluang menjadi penerima SARA?**

- J: Ya. Tiada permohonan rayuan akan dibuka bagi kelayakan baharu SARA. Walau bagaimanapun, kelayakan SARA akan dipertimbangkan semula sekiranya:
- Warganegara Malaysia;
  - Permohonan rayuan STR 2026 anda melepasi kriteria kelayakan dan diluluskan; serta
  - Tersenarai dalam data Miskin Tegar / Miskin eKasih atau lulus kategori Isi Rumah / Warga Emas Tiada Pasangan STR 2026 (bagi kelayakan kadar tambahan SARA 2026).

Amaun kelayakan SARA 2026 adalah tertakluk kepada fasa STR 2026 diluluskan. Sekiranya permohonan STR diluluskan mulai semakan Fasa 2 / Fasa 3 / Fasa 4, bayaran SARA yang akan diterima adalah mulai bulan permohonan STR berkenaan diluluskan.

## B. KAEDAH PELAKSANAAN SARA 2026

**8. S: Jika saya terlepas sesi orientasi, apakah yang perlu saya lakukan?**

J: Anda boleh semak video tutorial yang disediakan melalui Whatsapp atau Youtube <https://youtu.be/a1YQ25pW0p8> atau hubungi nombor talian tertera yang telah anda terima melalui Sistem Pesanan Ringkas / aplikasi *WhatsApp* daripada MyKasih.

**9. S: Bilakah SARA akan disalurkan kepada penerima?**

J: Penerima akan menerima elaun bulanan melalui MyKad mereka untuk membeli barang keperluan asas terpilih.

Pembayaran kepada penerima SARA 2026 adalah seperti jadual berikut:

### **Permohonan yang diluluskan semasa Fasa 1 STR 2026**

Bulan	Kelayakan SARA 2026 Mengikut Kategori STR 2026					
	Isi Rumah		Warga Emas Tiada Pasangan		Bujang	
	Miskin Tegar / Miskin	Selain Miskin Tegar / Miskin	Miskin Tegar / Miskin	Selain Miskin Tegar / Miskin	Miskin Tegar / Miskin	Selain Miskin Tegar / Miskin
Januari 2026	RM200	RM100	RM150	RM50	RM100	RM50
Februari 2026	RM200	RM100	RM150	RM50	RM100	RM50
Mac 2026	RM200	RM100	RM150	RM50	RM100	RM50
April 2026	RM200	RM100	RM150	RM50	RM100	RM50
Mei 2026	RM200	RM100	RM150	RM50	RM100	RM50
Jun 2026	RM200	RM100	RM150	RM50	RM100	RM50
Julai 2026	RM200	RM100	RM150	RM50	RM100	RM50
Ogos 2026	RM200	RM100	RM150	RM50	RM100	RM50
September 2026	RM200	RM100	RM150	RM50	RM100	RM50
Oktober 2026	RM200	RM100	RM150	RM50	RM100	RM50
November 2026	RM200	RM100	RM150	RM50	RM100	RM50
Disember 2026	RM200	RM100	RM150	RM50	RM100	RM50
<b>Jumlah</b>	<b>RM2,400</b>	<b>RM1,200</b>	<b>RM1,800</b>	<b>RM600</b>	<b>RM1,200</b>	<b>RM600</b>

**10. S: Di manakah saya boleh membeli barangan keperluan asas di bawah program ini?**

J: Penerima yang layak akan diberi penerangan mengenai kedai runcit terdekat untuk membeli barangan keperluan asas. SARA mempunyai lebih daripada 10,000 rakan niaga di seluruh negara termasuk Mydin, Giant, Econsave, The Store, Pacific, Milimewa, 99 Speedmart, Lotus Stores (Tesco), serta pasar raya dan pasar mini bebas. Bilangan rakan niaga SARA bukan muktamad dan akan bertambah dari semasa ke semasa.

Senarai pasar raya dan kedai runcit terlibat boleh disemak melalui pautan berikut:  
<https://app.mykasih.net/sara2/merchant-list>

11. S: Adakah saya boleh membuat pembelian di pasar raya dan kedai runcit luar daripada kawasan tempat tinggal saya?

J: Ya. (Rujuk jawapan soalan 10)

12. S: Apakah barangan keperluan asas yang boleh saya beli?

J: Penerima boleh membeli barangan keperluan asas daripada 15 kategori produk yang diluluskan iaitu **beras, roti, telur, minyak masak, tepung, biskut, mi segera, minuman, makanan dalam tin, bahan perasa, produk kebersihan diri, barang kebersihan kelengkapan rumah, ubat-ubatan, barangan persekolahan dan makanan sejuk beku.**


Barangan keperluan asas yang terlibat dengan program SARA akan dilabel untuk rujukan penerima. Contoh barangan keperluan asas mengikut kategori adalah seperti berikut:





### 15 KATEGORI BARANGAN YANG DILULUSKAN

 <b>Beras</b>	 <b>Telur</b>	 <b>Makanan Dalam Tin</b> Contoh: Sardin, Tuna
 <b>Roti</b>	 <b>Minyak Masak</b>	 <b>Produk Penjagaan Diri</b> Contoh: Ubat gigi, Tuala wanita, Sabun, Lampin bayi
 <b>Biskut</b>	 <b>Minuman</b> Contoh: Susu, Teh, Kopi, Susu bayi	 <b>Keperluan Sekolah</b> Contoh: Pakaian seragam, Kasut, Beg sekolah, Alat tulis
 <b>Tepung</b>	 <b>Bahan Perasa</b> Contoh: Sos, Kicap, Gula, Garam	 <b>Ubat-Ubatan Di Kaunter</b> yang diluluskan oleh KKM
 <b>Mi</b>	 <b>Makanan Sejuk Beku</b>	 <b>Barangan Kebersihan Rumah</b> Contoh: Sabun pencuci baju, pinggan mangkuk dan lantai

13. S: Bagaimanakah kaedah pembelian barangan keperluan?

J: Kaedah pembelian barangan keperluan adalah seperti berikut:

	<b>Pilih Barangan Keperluan</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Penerima bantuan boleh membeli barangan keperluan berdasarkan 15 kategori produk yang mempunyai label MyKasih di rak tanda harga.</li></ul>
---	---

	<b>Tunjuk MyKad Untuk Pengesahan</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Juruwang menyemak status MyKad penerima bantuan.</li></ul>
	<b>Imbas Kod Barangan</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Juruwang mengimbas setiap barang keperluan asas yang ingin dibeli mengikut kategori yang dibenarkan.</li></ul>
	<b>Bayar Menggunakan MyKad</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Penerima membuat bayaran menggunakan MyKad untuk mengesahkan transaksi pembelian.</li></ul>
	<b>Simpan Resit Untuk Semakan</b> <ul style="list-style-type: none"><li>Penerima bantuan menyimpan resit untuk menyemak transaksi pembelian.</li></ul>


**14. S: Bagaimanakah kaedah semakan baki SARA 2026 dalam akaun MyKad penerima?**

J: Semakan baki kredit SARA dalam akaun MyKad penerima boleh disemak melalui kaedah berikut:

- Semakan portal rasmi SARA: <https://sara.gov.my/>
- Semakan aplikasi SARA:



- Semakan resit pembelian:



The image shows a receipt from the MyKash Foundation. The receipt includes the following information:

- Logo MADANI (pointed to by a red box)
- Jata Negara (pointed to by a red box)
- Nama Pasaraya <Alamat Pasaraya>
- Merchant ID: H000001670
- Terminal ID: T003758
- Approval Code: 250724-000007
- Invoice No.: 250724-000007
- Batch No.: 000138
- STAN: 004015
- Programme type: IMN
- Programme: SARA 2025
- DATE/TIME: 24 Jul 2025 16:08:20
- SALE XXXXXXXX5528
- Category Qty
- Beverage 1
- Opening Balance: RM 349.25 (pointed to by a red box)
- Purchase Amount: RM 30.70
- Paid Bal. By Cash: RM 0.00
- Total Amount: RM 30.70 (pointed to by a red box)
- Final Balance: RM 318.55 (pointed to by a red box)
- Program End Dates: 31-Dec-2025
- \*\*\* Customer COPY \*\*\*
- Thank you.

Labels on the right side of the receipt:

- Baki semasa SARA dalam MyKad penerima (pointed to the Opening Balance)
- Jumlah pembelian perlu dibayar (pointed to the Total Amount)
- Baki SARA dalam MyKad penerima selepas pembelian (pointed to the Final Balance)

**15. S: Adakah saya perlu bayar lebih amaun sekiranya amaun pembelian melebihi baki semasa SARA dalam MyKad penerima?**

J: Ya. Pembelian adalah terhad kepada barangan keperluan asas daripada 15 kategori produk yang diluluskan sahaja. Pembelian selain barangan tersebut dan pembelian melebihi baki semasa SARA dalam MyKad perlu dibayar oleh penerima.

**16. S: Saya tidak menghabiskan baki elaun tersebut pada bulan semasa, adakah baki elaun tersebut boleh dibawa ke bulan-bulan seterusnya?**

J: Ya. Baki elaun bulanan yang tidak habis digunakan akan dibawa ke bulan-bulan seterusnya dan boleh digunakan bersama dengan elaun bulan semasa. Walau bagaimanapun, sebarang baki elaun yang tidak digunakan sepenuhnya pada akhir tempoh program iaitu 31 Disember 2026 akan luput secara automatik.

**17. S: Adakah elaun SARA mempunyai tarikh luput?**

J: Ya. Tempoh sah laku atau tarikh luput elaun SARA adalah pada 31 Disember 2026.

**18. S: Adakah pembelian boleh dibuat oleh individu selain penerima SARA?**

J: Tidak. Pembayaran di kaunter adalah menggunakan MyKad penerima. Sebarang pembelian yang dibuat oleh individu selain penerima adalah di bawah tanggungjawab penerima itu sendiri.

**19. S: Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya MyKad saya rosak / hilang?**

J: Sila hubungi Talian Bantuan MyKasih. Pengecualian pembelian secara manual akan diberikan hanya bagi satu transaksi pembelian. Pembelian seterusnya hanya boleh dibuat menggunakan MyKad baharu anda.

**20. S: Saya telah perbaharui MyKad di JPN tetapi masih tidak dapat digunakan untuk membuat pembelian, apakah yang perlu saya lakukan?**

J: Proses verifikasi MyKad semasa pembelian SARA adalah berdasarkan rekod versi terkini MyKad yang ada dalam simpanan pihak MyKasih.

Sekiranya anda baru membuat penukaran MyKad atau baru kehilangan MyKad, mohon maklumkan kepada pihak MyKasih untuk semakan rekod versi MyKad dalam rekod SARA anda.

Sekiranya rekod MyKasih telah dikemas kini dengan versi terkini, anda boleh membuat pembelian seperti biasa. Namun sekiranya rekod versi MyKad pada MyKasih masih menggunakan versi MyKad lama, anda perlu memaklumkan kepada pihak MyKasih untuk membekukan versi MyKad lama anda bagi mengelakkan penyalahgunaan SARA.

Versi MyKad terkini akan dikemas kini setelah pihak MyKasih menerima rekod baharu dari agensi berkaitan.

**21. S: Siapakah yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan program SARA 2026?**

- J: Maklumat lanjut berkenaan SARA 2026 boleh didapati di:
- Portal Rasmi SARA, <https://sara.gov.my/>; atau
  - Hubungi Talian Bantuan SARA Yayasan MyKasih 03-7720 1800

**22. S: Saya mempunyai pasar raya / kedai runcit dan berminat untuk menjadi rakan niaga bagi program SARA 2026. Siapakah yang perlu saya rujuk bagi tujuan tersebut?**

- J: Anda boleh berurusan / hubungi pihak Yayasan MyKasih untuk penerangan lanjut. Pemilihan rakan niaga adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Yayasan MyKasih.

**23. S: Seperti diumumkan dalam Belanjawan 2026, SARA 2026 juga diterima oleh penerima STR kategori Isi Rumah, Bujang dan Warga Emas Tiada Pasangan yang tiada dalam senarai eKasih. Bila dan bagaimana kaedah pelaksanaannya?**

- J: Penerima STR 2026 kategori Isi Rumah, Bujang dan Warga Emas Tiada Pasangan yang tiada dalam senarai eKasih juga layak SARA 2026 seperti berikut:
- Penerima STR 2026 kategori Isi Rumah layak **RM1,200 setahun atau RM100 setiap bulan bagi tempoh 12 bulan bermula Januari 2026**;
  - Penerima STR 2026 kategori Bujang layak **RM600 setahun atau RM50 setiap bulan bagi tempoh 12 bulan bermula Januari 2026**; dan
  - Penerima STR 2025 kategori Warga Emas Tiada Pasangan layak **RM600 setahun atau RM50 setiap bulan bagi tempoh 12 bulan bermula Januari 2026**.

**24. S: Sekiranya penerima SARA 2026 sedang berada dalam penjara / pusat serenti / reman penjara / institusi jagaan Kerajaan yang lain ATAU sedang sakit / uzur / OKU ATAU meninggal dunia, bagaimanakah kaedah pelaksanaan bagi membolehkan isi rumah berkenaan menerima SARA?**

- J: Hanya **penerima SARA 2026 daripada kategori Isi Rumah STR** sahaja dibenarkan untuk membuat penukaran penerima terhadap kepada pasangan warganegara yang berdaftar dalam permohonan STR. Kaedah pelaksanaan adalah seperti berikut:
- Sila hubungi nombor talian MyKasih tertera yang telah anda terima melalui Sistem Pesanan Ringkas / aplikasi WhatsApp daripada MyKasih dan kemukakan **dua (2) dokumen wajib serta satu (1) dokumen tambahan** berikut:

**Dua (2) dokumen wajib**

- Dokumen pengenalan diri (asal atau salinan) penerima; **dan**
- Dokumen pengenalan diri (asal) pasangan warganegara.

**Satu (1) dokumen tambahan (Jika Berkaitan)**

Mengikut situasi penerima:

Bil.	Situasi Pemohon	Dokumen
a.	Berada dalam penjara / pusat serenti / Reman Penjara / Institusi	i. Surat pengesahan daripada <b>penjara / pusat serenti</b> (salinan atau asal) (jika penerima berada di penjara atau pusat serenti) / Institusi jagaan Kerajaan yang lain.

	jagaan Kerajaan yang lain.	ii. Tempoh masa Surat Pengesahan: <ul style="list-style-type: none"><li>• Terdapat paparan tarikh masuk dan keluar penjara; atau</li><li>• Sekiranya tiada tarikh masuk keluar penjara, Surat Pengesahan Penjara yang dikeluarkan berkenaan mestilah <u>tahun semasa</u> atau tidak melebihi <b>1 tahun</b> dari tarikh surat dikeluarkan.</li></ul> <b>Nota:</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Salinan Kad Pengenalan penerima dikecualikan sekiranya surat penjara jelas menunjukkan nama dan nombor pengenalan penerima serta tempoh masa.</li><li>• Surat pengesahan yang mempunyai tarikh mula dan tarikh akhir hukuman boleh digunakan dalam tempoh <b>3 tahun sahaja</b>.</li></ul>
b.	Sakit / Uzur / OKU	<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Surat pengesahan hospital</b> jika penerima menerima rawatan di hospital / Klinik; <b>atau</b></li><li>• Surat kebenaran / pengesahan daripada Hospital / Klinik bagi penerima yang uzur (tidak berdaya untuk bergerak); <b>atau</b></li><li>• Kad OKU asal</li></ul>
c.	Penerima Meninggal Dunia	<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Sijil Kematian / Permit Penguburan (Asal / Salinan) / Laporan Polis</b></li></ul>

- ii. Pihak MyKasih akan mengemukakan maklumat berkenaan kepada pihak Kementerian Kewangan (MOF) / Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) bagi tujuan pengesahan status kelayakan penukaran penerima SARA.

Pemakluman status kelayakan penukaran penerima SARA akan dimaklumkan kembali kepada isi rumah berkenaan selepas pengesahan status dimuktamadkan pihak MOF / HASiL.

**25. S: Saya baru bercerai dan Ketua Isi Rumah berdaftar dalam sistem eKasih adalah suami. Adakah saya layak SARA 2026 memandangkan saya (ibu) yang diberi hak penjagaan untuk menanggung anak-anak?**

J: Kelayakan SARA 2026 adalah kepada penerima Miskin Tegar / Miskin eKasih serta semua penerima STR 2026 kategori Isi Rumah, Bujang dan Warga Emas Tiada Pasangan.

SARA Miskin Tegar / Miskin eKasih adalah berdasarkan data Miskin Tegar / Miskin eKasih yang berstatus lulus STR 2026. Sekiranya anda tersenarai sebagai Ahli Isi Rumah dalam rekod Ketua Isi Rumah berkenaan dan kelulusan STR anda serta bekas suami adalah dua permohonan berbeza, anda akan layak SARA 2026 secara berasingan.

Sekiranya kelulusan terkini STR 2026 anda adalah kategori Isi Rumah, anda layak kadar tambahan berdasarkan kepada fasa kelulusan semasa.

26. S: Suami saya adalah pemohon STR 2026 dan penerima SARA yang telah meninggal dunia pada Januari 2026. Bagaimanakah pelaksanaan SARA bagi permohonan suami saya.

J: Sekiranya penerima SARA telah meninggal dunia atau mempunyai kekangan untuk hadir ke Pasaraya terpilih untuk tujuan pembelian barangan keperluan asas menggunakan MyKad Penerima, kaedah pembayaran SARA adalah seperti berikut mengikut situasi penerima

i. **Penerima Meninggal Dunia**

- a. **Isi Rumah:** Bayaran SARA akan ditukar kepada pemohon (penerima pasangan) atau pasangan warganegara (penerima pemohon).
- b. **Warga Emas Tiada Pasangan:** Bayaran SARA 2026 dihentikan.
- c. **Bujang:** Bayaran SARA 2026 dihentikan.

ii. **Berada dalam penjara / pusat serenti / reman penjara / institusi jagaan Kerajaan yang lain**

- a. **Isi Rumah:** Bayaran SARA akan ditukar kepada pemohon (penerima pasangan) atau pasangan warganegara (penerima pemohon).
- b. **Warga Emas Tiada Pasangan:** Bayaran SARA kekal kepada penerima.
- c. **Bujang:** Bayaran SARA kekal kepada penerima.

iii. **Berada di luar negara**

- a. **Isi Rumah:** Bayaran SARA kekal kepada penerima.
- b. **Warga Emas Tiada Pasangan:** Bayaran SARA kekal kepada penerima.
- c. **Bujang:** Bayaran SARA kekal kepada penerima.

iv. **Sakit / Uzur / Orang Kurang Upaya (OKU)**

- a. **Isi Rumah:** Bayaran SARA akan ditukar kepada pemohon (penerima pasangan) atau pasangan warganegara (penerima pemohon).
- b. **Warga Emas Tiada Pasangan:** Bayaran SARA kekal kepada penerima.
- c. **Bujang:** Bayaran SARA kekal kepada penerima.